

## Faktor Penglibatan Kesukarelawanan: Analisis Tinjauan Literatur Sistemik

### *Factors of Voluntary Involvement: A Systematic Literature Review (SLR)*

Nik Ahmad Farid B Nik Shabery

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

Noornajihan Jaafar

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

Nusairah Ramli

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

Aizan Sofia Binti Amin

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

#### Abstrak

Khidmat kesukarelawanan merupakan suatu usaha berterusan yang menyumbang ke arah pembangunan dan kesejahteraan sesebuah negara. Ia bermula dengan minat yang digerakkan secara individu atau berkumpulan bagi mendepani cabaran sosial masyarakat. Namun begitu, kajian khidmat sukarelawan dalam bidang Dakwah OKU amat kurang dikaji. Oleh itu, kajian ini memfokuskan kepada literatur berkaitan faktor-faktor penglibatan khidmat kesukarelawanan dalam kajian terdahulu dan seterusnya ia akan mengintegrasikan penemuan kajian lepas bagi meneroka khidmat kesukarelawanan Dakwah OKU untuk dikaji. Metode kajian kualitatif ini menerapkan reka bentuk analisis dokumen dan berpandukan tinjauan literatur sistemik sebagai landasan. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat faktor-faktor tertentu seseorang individu melibatkan diri dalam khidmat kesukarelawanan. Dapatan juga menunjukkan bahawa kajian-kajian lepas lebih menumpukan khidmat sosial masyarakat selain Dakwah OKU. Oleh yang demikian, kajian khidmat kesukarelawanan yang memfokuskan kepada Dakwah OKU wajar diketengahkan seterusnya berupaya mewujudkan anggota masyarakat yang penyayang, bertanggungjawab serta tidak mementingkan diri sendiri bukan hanya kepada golongan tipikal bahkan juga kepada komuniti OKU.

**Kata Kunci :** Kesukarelawanan, Faktor-faktor Penglibatan kesukarelawanan, Ulasan Sistemik

#### Abstract

Volunteer service is a continuous effort in contributing towards the development and prosperity of a country. It begins with an interest that is mobilized individually or in groups to meet the social challenges of society. However, the study of volunteer service in the field of Islamic preaching to people with disabilities is poorly studied. Therefore, this study focuses on the literature related to the factors of volunteer service involvement in previous studies and then it will integrate the findings of previous studies to explore the volunteer services of da'wah to people with disabilities to be studied. This qualitative research method applies the design of document analysis and guided by systematic literature review (SLR) as a basis. The results show that there are certain factors that contribute to the engagement in volunteer service. The findings show the previous studies focus more on community social services rather than da'wah for people with disabilities. Therefore, the study of volunteer services and da'wah for people with disabilities should be highlighted to encourage community members to aware, care, take responsible towards humanity including special needs.

**Keywords :** Volunteerism, Volunteer Involvement Factors, Systematic Review

Article Progress  
Received: 31 March 2023  
Revised: 14 April 2023  
Accepted: 28 April 2023

## 1. PENGENALAN

Semangat kesukarelawanan merupakan satu daripada tuntutan negara dan agama dalam kerangka perpaduan nasional bagi mendepani cabaran zaman. Kesukarelawanan yang wujud dalam diri individu dapat membentuk peribadi diri muslim yang baik. Ia boleh menjadi ukuran kepada sifat kemanusiaan yang ada dalam diri seseorang atau sesuatu kumpulan manusia. Selain itu, keanggotaan seseorang individu dalam aktiviti kesukarelawanan adalah berasaskan kepada kesanggupan mereka untuk berbakti kepada orang awam tanpa sebarang bentuk paksaan. Selain itu, Ibrahim et al. (2015) turut mendapati bahawa penglibatan secara aktif dalam aktiviti kesukarelawanan dapat membantu seseorang individu menjadi warganegara yang penyayang dan bertanggungjawab. Penglibatan sukarelawan ini juga mendedahkan individu terhadap kepekaan dan pemahaman yang mendalam mengenai masalah sosial serta sekaligus meningkatkan keprihatinan terhadap keperluan orang lain.

Manakala menurut Jamal et al. (2021), konsep memperkasa budaya kesukarelawanan melibatkan cabang yang amat luas memandangkan dimensi ini memberi fokus kepada pembangunan komuniti secara keseluruhan. Istilah kesukarelawanan merupakan satu terma global yang semakin mendapat perhatian kerana kemampuannya dalam merangsang penyertaan masyarakat untuk terlibat dengan kerja-kerja amal yang membawa faedah kepada orang awam. Tragedi kemanusiaan yang berlaku seperti peperangan, konflik politik, kemelesetan ekonomi serta bencana alam mendorong kepada tindak balas individu dan masyarakat untuk terlibat dalam kesukarelawanan (Mardhiyyah et al; 2013, Normah et al., 2018). Justeru itu, penglibatan dalam kesukarelawanan bukan lagi bersifat lokaliti dan setempat, tetapi bersifat global yang merentasi sempadan negara, budaya, agama dan masyarakat.

Sehubungan itu, khidmat kesukarelawanan dalam pembangunan negara Malaysia bukan sahaja telah mendapat tempat di peringkat pentadbiran dan pengurusan, bahkan dimanifestasikan melalui pelancaran sambutan 'Hari Kesukarelawan Malaysia' pada 7 Disember 2019 serta penubuhan sukarelawan dalam kalangan siswa yang dikenali melalui program Gap Year yang digerakkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT). Selain itu, penubuhan Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) yang telah dilancarkan pada 2012 sebagai sebuah entiti milik Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) merencanakan perkembangan usaha kesukarelawanan dalam kalangan belia. Hal ini secara tidak langsung turut melibatkan peranan sukarelawan terhadap komuniti orang kelainan upaya (OKU) di Malaysia. Namun, setakat ini belum ada mana-mana agensi yang memfokuskan kepada sukarelawan dakwah untuk OKU. Oleh itu, kajian ini memfokuskan kepada literatur berkaitan khidmat kesukarelawanan dalam kajian terdahulu dan seterusnya ia akan mengintegrasikan penemuan kajian lepas bagi meneroka khidmat kesukarelawanan dakwah bagi OKU untuk dikaji.

Dalam konteks khidmat dakwah untuk OKU, pelbagai usaha telah dijalankan oleh pelbagai pihak termasuk khidmat kesukarelawanan. Namun, dengan kepelbagaian kategori OKU, sukarelawan perlu mendapat pendedahan khusus berkaitan keperluan OKU, pengetahuan dan kemahiran dalam menyantuni komuniti istimewa ini. Di Malaysia, usaha memberi pendedahan tentang keperluan OKU ini dijalankan oleh Jabatan Pembangunan OKU (JPOKU) melalui Kursus *Disability Equality Training* (DET). Kursus ini ditawarkan ke

pelbagai organisasi sama ada kerajaan atau bukan kerajaan bertujuan untuk memaknai hakikat ketidakupayaan OKU. Begitu juga dengan strategi dan pendekatan santunan OKU dari sudut

spiritualnya. Ia memerlukan satu modul khusus dalam melatih dan mendidik OKU bagi memahami ajaran Islam berasaskan kekuatan dan kelainan upaya OKU. Usaha ini secara tidak langsung menyokong agensi-agensi di bawah YB Menteri (Hal Ehwal Agama) dalam mendepani isu dan cabaran OKU beragama sekaligus merealisasikan Pelan Tindakan OKU 2016-2022 (Strategik 9) yang telah dibincangkan dalam satu Persidangan Meja Bulat berkaitan Pemerkasaan dan Pelan Tindakan OKU Rabbani 2020-2025. Ia dianjurkan di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) JAKIM pada 5 dan 6 Julai 2020.

Justeru, penerokaan terhadap faktor penglibatan kesukarelawanan dijalankan bagi melihat faktor-faktor yang menyumbang kepada penglibatan seseorang individu secara langsung dalam bidang kesukarelawanan. Kajian ini dijalankan bagi membantu pihak kerajaan dan badan-badan kesukarelawanan bagi meneroka khidmat kesukarelawanan dakwah untuk OKU daripada aspek pelaksanaan dan seterusnya penambahbaikan dapat dilakukan khususnya dalam membina kualiti kesukarelawanan dalam program khidmat dakwah untuk OKU di Malaysia.

## 2. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu kaedah tinjauan literatur sistematik. Ia bertujuan untuk mengenal pasti, menilai secara kritis dan mengintegrasikan penemuan semula kajian (Bem, 1995; Baumeister & Leary, 1997). Fokus kajian ini adalah bagi menganalisis faktor-faktor penglibatan sukarelawan dari tahun ke tahun sekaligus mengintegrasikan penemuan kajian lepas bagi meneroka khidmat sukarelawan dakwah OKU. Justeru, metode kajian yang digunakan ialah analisis dokumen terhadap artikel, jurnal, tesis dan buku yang telah ditulis oleh para sarjana. Kadar rujukan yang digunakan dalam kajian ini adalah bermula dari tahun 2013 hingga tahun 2020 (9 tahun).

Perkara yang dilakukan dalam mencari artikel tinjauan literatur sistematik ialah mengenal pasti tahun kajian, latar belakang, permasalahan kajian, metode dan dapatan kajian. Hakikatnya, prinsip tinjauan literatur sistematik diterapkan oleh ramai pengkaji mutakhir ini bagi menyorot sejauh mana fenomena yang berlaku di sekitar kata kunci kajian (Michie & Williams, 2003; Siddiqi, et al., 2006).

Kajian ini dibantu dengan akses pangkalan data *Google Scholar*, *Researchgate* dan *Academia*. Pengkaji telah menggunakan kata kunci 'kesukarelawanan' untuk mengenalpasti item yang berkaitan bermula dari tahun 2013 sehingga tahun 2021. Seterusnya, pengkaji memfokuskan skop carian dengan melakukan saringan item dengan menggunakan kata kunci 'Kesukarelawanan Dakwah OKU' yang berkaitan bermula dari tahun 2013 sehingga tahun 2021.

Seterusnya, pengkaji melakukan saringan di pangkalan data *Google Scholar* dengan menggunakan kata kunci 'Faktor-faktor Penglibatan kesukarelawanan'. Dari carian ini, hasil carian dokumen yang berkaitan dengan topik kajian, hanya 9 sahaja diterima untuk dianalisis dalam tinjauan literatur sistematik yang berkaitan dengan topik yang ingin dibincangkan dan skop carian bermula dari tahun 2013 hingga tahun 2021. Menurut Rabiatuladawiyah Saleh dan Mohd Nizam Sahad (2020), artikel yang dianggap tidak relevan adalah artikel yang tidak berkaitan dengan topik dan tidak membincangkan mengenai topik kesukarelawanan. Oleh itu,

ini menjadikan limitasi sorotan literatur ini hanya 9 buah artikel dalam tempoh 9 tahun iaitu dari tahun 2013 hingga tahun 2021 yang diterbitkan oleh jurnal dan artikel menjadi asas untuk dikaji. Menurut Usman et al. (2020) dan Higgins et al. (2011), tinjauan literatur sistematik

merupakan kajian yang bertujuan mencari dan menganalisis secara komprehensif, berstruktur, tiada keraguan dan boleh diulang pada proses seterusnya. Oleh yang demikian, pengkaji menggunakan kaedah ini sebagai metodologi utama kajian.

### 3. DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Bagi membincangkan analisis kajian ini secara sistematik, sembilan (9) literatur berkaitan telah dikenal pasti sebagai instrumen penting yang menepati tema kajian iaitu faktor-faktor penglibatan kesukarelawanan. Jadual 1 menyenaraikan artikel jurnal hasil daripada analisis tinjauan literatur sistematik.

Jadual 1: Tinjauan Literatur Sistematik berkaitan Faktor-Faktor Penglibatan Kesukarelawanan

Bil	Kajian	Latar Belakang	Isu/Gap	Metode	Dapatan Kajian
1	Aishah Nadirah Mohamed Alauddin & Tajul Arifin Muhamad, 2013	Motif Penglibatan Sukarelawan Sukan Institusi Pengajian Tinggi	Kajian ini dijalankan bagi menyelidik faktor-faktor motivasi yang mempengaruhi penglibatan sukarelawan sukan di peringkat institusi pengajian tinggi berdasarkan gender.	Kajian Kuantitatif	Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor pemahaman dan faktor nilai murni merupakan faktor motivasi tertinggi yang menyumbang kepada penglibatan sukarelawan sukan. Hasil kajian juga mendapati faktor gender tidak begitu mempengaruhi motif penglibatan sukarelawan sukan.
2	Nurul Ashidah Binti Johari, 2015	Penglibatan Generasi Y Dalam Aktiviti Sukarelawan : Faktor-Faktor Pendorong Dan Jenis Aktiviti Pilihan	Kajian ini dijalankan bagi menyelidik faktor-faktor pendorong penglibatan Generasi Y dalam aktiviti sukarelawan dan mengenal pasti jenis aktiviti yang menjadi pilihan utama penyertaan golongan ini.	Kajian Kuantitatif	Kajian menunjukkan faktor utama mendorong penglibatan Generasi Y bagi faktor tolakan iaitu dengan nilai purata sebanyak 21.68 adalah faktor perlindungan, manakala daripada faktor tarikan adalah faktor kepuasan diri sebanyak 12.83. Kajian ini turut melihatkan jenis aktiviti yang paling diminati oleh Generasi Y dalam

					kajian ini adalah aktiviti sukarela bersifat keagaamaan.
3	Wan Nur Izzati Mohamad Idrus, 2015	Motivasi Untuk Terlibat Dalam Badan Sukarela Dalam Kalangan Pelajar Universiti Awam	Kajian ini dijalankan bagi mengkaji motivasi untuk terlibat dalam badan sukarela iaitu Kelab Penyayang dalam kalangan pelajar universiti di sebuah Universiti Awam (UA) dalam konteks penglibatan dalam kesukarelawanan sebagai satu pendekatan pendidikan moral.	Kajian gabungan iaitu kajian kuantitatif dan kajian kualitatif	Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa dimensi motivasi paling utama untuk terlibat dalam Kelab Penyayang dalam kalangan pelajar UA adalah dimensi motivasi nilai peribadi.
4	Tuan Pah Rokiah Syed Hussain, Lilah Yasin, 2016	Belia Dan Pembudayaan Semangat Sukarelawan Di Malaysia: Suatu Pemerhatian Konseptual	Kajian ini dijalankan bagi membincangkan secara terperinci secara konseptual mengenai elemen utama yang mendokong penghayatan belia terhadap semangat sukarelawan.	Kajian kualitatif	Hasil kajian mendapati penulisan atau kajian mengenai kesukarelawanan golongan belia berbilang kaum penting supaya pencapaian dan keberkesanan matlamat program pembangunan belia sedia ada dapat dilihat kembali.
5	N.K. Tharshini <sup>1</sup> and Fauziah Ibrahim <sup>2</sup> , 2019	Pembudayaan Kesukarelawanan Dalam Kalangan Masyarakat: Satu Kajian Ulasan Sistematis	Kajian ini dijalankan bagi mengulas faktor pemangkin yang mendorong pembudayaan kesukarelawanan dalam kalangan masyarakat.	Kajian kualitatif	Hasil kajian memberi implikasi terhadap keperluan pihak berkepentingan mengenai kepentingan budaya kesukarelawanan dalam usaha mencetus transformasi sosial serta mewujudkan anggota masyarakat yang penyayang, bertanggungjawab serta tidak mementingkan diri sendiri.
6	Zainal Anuar et., Al (2019)	Kajian Kes: Impak Sukarelawan Yes! Politeknik Sultan	Kajian ini dijalankan bagi menganalisis	Kajian kualitatif	Hasil kajian akan memberi implikasi ke arah

		Mizan Zainal Abidin Dalam Melakukan Kerja-Kerja Kesukarelawanan Tvet	kepentingan kerja- kerja kesukarelawanan memberi kesan yang positif kepada pelajar.		perancangan keperluan sukarelawan yang lebih strategik oleh pihak PSMZA bagi memupuk semangat kesukarelawanan yang tinggi di kalangan pelajar.
7	Siti Nathrah Che Fazilah & Fuziah Shaffie, 2020	Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Motivasi Sukarelawan Dalam Menjalankan Aktiviti Kesukarelawanan: Satu Kajian Literatur	Kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti faktor-faktor yang dapat memotivasikan sukarelawan dalam menjalankan aktiviti kesukarelawanan.	Kajian kuantitatif	Hasil kajian mendapati faktor motivasi memainkan peranan penting dalam memotivasikan sukarelawan dalam menjalankan aktiviti sukarela.
8	Normah Awang Noh, Siti Nurziana Mohd Zin, 2021	Amalan Pengurusan Pertubuhan Sukarela: Isu Pengekalan Mahasiswa Dalam Aktiviti Kesukarelawanan	Kajian ini dijalankan bagi mengkaji amalan- amalan pengurusan pertubuhan sukarela dalam memastikan pengekalan atau komitmen sukarelawan bagi jangka masa yang lama.	Kajian kuantitatif	Hasil kajian menunjukkan sebilangan besar responden bersetuju (>80%) bahawa aspek tersebut perlu diberi perhatian oleh pengurusan sukarelawan bagi memastikan pengekalan sukarelawan dalam aktiviti kesukarelawanan.
9	Syafiq Sham,Doris Padmini Selvaratnam ,Haziq Fikri Jasni & El Hanis Harun, 2021	Budaya Kesukarelawanan Dan Keunikan Etnografi Dapur Jalanan Kuala Lumpur	Kajian ini dijalankan bagi memahami budaya kesukarelawanan yang diamalkan oleh Dapur Jalanan Kuala Lumpur (DJKL) dan memahami etnografinya.	Kajian kuantitatif	Hasil etnografi menunjukkan DJKL mengamalkan pelaksanaan aktiviti kesukarelawanan yang mementingkan aspek alam sekitar, etika, seni dan budaya.

Berdasarkan jadual 1, dapat dibuat beberapa kesimpulan terhadap tinjauan literatur sistematik dari sudut fokus kajian lepas yang menepati tema kajian iaitu faktor-faktor penglibatan kesukarelawanan seperti berikut:

### Faktor Pemahaman dan Nilai

Isu kajian yang difokuskan oleh para pengkaji terdahulu tertumpu kepada faktor pemahaman dan nilai dalam diri seseorang sukarelawan. Menurut Aishah Nadirah Mohamed Alauddin dan

Tajul Arifin Muhamad (2013), faktor pemahaman dan faktor nilai murni merupakan faktor motivasi tertinggi yang menyumbang kepada penglibatan sukarelawan. Dimensi motif pemahaman merupakan proses pembelajaran jangka panjang dan menjadi faktor individu melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelaan (Tajul Arifin, 2013 & Yoshioka et al., 2007). Manakala dimensi motif nilai pula dikaitkan dengan motivasi altruistik iaitu keprihatinan terhadap orang lain. Hal ini disokong oleh kajian Tajul Arifin et. al (2013) dan juga Clary dan Snyder (1999) yang mendapati dimensi motif nilai adalah faktor motivasi tertinggi dalam kalangan sukarelawan. Hal ini jelas membuktikan bahawa kebanyakan sukarelawan melibatkan diri kerana ingin mempelajari sesuatu serta sikap dan nilai-nilai murni yang wujud dalam diri mereka. Selain itu, faktor yang mendorong individu melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelaan adalah rasa ingin membantu, mencari pengalaman, bersosial dengan masyarakat, serta mengisi masa hujung minggu dengan aktiviti yang bersifat kebajikan. Dalam pada itu, faktor dalaman juga mendorong individu tersebut seperti rasa empati yang tinggi, pengaruh keluarga dan keinginan untuk menghulurkan bantuan kepada yang memerlukan mendorong seseorang itu terlibat dalam aktiviti kesukarelaan.

### **Faktor Motivasi Kerjaya Dan Sosial**

Selain itu, analisis literatur sistematik mendapati penglibatan seseorang individu dalam kesukarelaan adalah kerana motivasi untuk mendapat pengalaman dan persediaan pekerjaan pada masa hadapan di samping menyediakan kemahiran berkaitan kerjaya (Clary & Snyder, 1999; Francis, 2011). Hal ini akan memberikan kemahiran yang berkualiti dan pengalaman yang bermanfaat kepada individu sukarelawan tersebut dalam dunia pekerjaan pada masa hadapan setelah menceburi bidang kesukarelaan. Selain itu, faktor yang seterusnya juga boleh didefinisikan sebagai penglibatan seseorang individu dalam kesukarelaan kerana sub dimensi motivasi untuk menjalinkan hubungan sosial dengan kenalan sedia ada mahupun dengan kenalan baru (Clary & Snyder, 1999; Rehberg, 2005). Di samping itu, seseorang individu juga terlibat dalam kesukarelaan kerana perbezaan motivasi dan pengaruh persekitaran di sekeliling mereka seperti ahli keluarga, rakan, kenalan, masyarakat, institusi pendidikan, institusi keagamaan, laman sosial dan media massa. Demikian, pengkaji merangkumkan faktor motivasi kerjaya dan sosial ini sebagai salah satu faktor penglibatan seseorang individu dalam bidang kesukarelaan.

### **Faktor Keikhlasan atau Kerelaan**

Berdasarkan Jadual 1, faktor penglibatan kesukarelaan seterusnya adalah faktor keikhlasan atau kerelaan. Majoriti kajian melihat keikhlasan atau kerelaan sebagai elemen terpenting yang perlu dibangunkan oleh kerana ia merupakan inti kepada penglibatan dalam dunia kesukarelaan. Menurut Tajul Tuan Pah Rokiah dan Lilah Yasin (2016) serta Wilson (2003), istilah sukarelawan ditafsirkan sebagai individu atau kelompok individu yang istimewa dari aspek ciri peribadi dan keikhlasan terhadap khidmat sukarela, kerja kemasyarakatan atau usaha kemanusiaan yang diceburinya melibatkan aktiviti seperti gotong-royong, membantu dan meringankan beban pihak lain. Manakala menurut Dorsch et al. (2002) juga berpendapat bahawa sukarelawan penting kerana mereka menyumbangkan kepakaran, kemahiran, pengetahuan dan tenaga. Hal ini termasuklah menjadi sukarelawan kepada sesebuah organisasi mahupun memberi sebarang bantuan dalam aktiviti kesukarelaan kepada masyarakat. Walau bagaimanapun, Tuan Pah Rokiah dan Lilah Yasin (2016) serta Azizan Bahari (2003) berpendapat kesukarelaan pula merupakan suatu konsep kerja atau khidmat secara sukarela iaitu seseorang yang menyumbang bakti dengan rela hati tanpa paksaan atau mempunyai niat

ikhlas tanpa mengharapkan ganjaran kebendaan. Selain itu, Stukas et al. (2009) juga membincangkan dan menyatakan bahawa sukarelawan memberikan bantuan tanpa menuntut bayaran walaupun mereka kesunyian, sakit, berdukacita dan berkhidmat dalam serba kekurangan. Hal ini jelas dibincangkan oleh Dorsch et al. (2002) iaitu hilangnya nilai keikhlasan dalam diri sukarelawan boleh membawa kegagalan terhadap usaha yang dijalankan. Walaupun secara amnya, pengiktirafan dan penghargaan yang diterima selepas melakukan sesuatu kerja dapat meningkatkan perasaan puas hati dalam diri individu. Dalam konteks kesukarelawanan pula, Sharifafar (2011) menjelaskan bahawa sukarelawan akan mendapat kepuasan diri yang maksimum setelah selesai membantu individu yang memerlukan bantuan. Walau bagaimanapun, sekiranya pengiktirafan dan ganjaran diterima oleh sukarelawan, ia akan dapat menjamin kesetiaan mereka terhadap sesuatu persatuan/organisasi agar terus berbakti kepada anggota masyarakat untuk suatu jangka masa yang panjang. Demikian, sukarelawan akan menjadi lebih bersemangat untuk berkhidmat kepada ahli komuniti sekiranya perkhidmatan yang ditawarkan oleh mereka menerima penghargaan dan ganjaran yang sepatutnya (pujian) daripada orang awam.

### **Faktor Khidmat Komuniti**

Menurut Zainal Anuar Bin Bakri et al. (2019), penglibatan pelajar dalam aktiviti kesukarelawanan merupakan jalan terbaik dalam berbuat bakti kepada masyarakat. Oleh yang demikian, para sukarelawan menjelaskan bahawasanya penglibatan mereka dalam aktiviti kesukarelawanan adalah bertujuan untuk berkhidmat dan memberi bantuan kepada masyarakat tanpa mengharapkan sebarang balasan. Manakala menurut Zainal Anuar et al. (2020) dan Ellis (2003) sumbangan yang diberikan oleh sukarelawan semasa melaksanakan sesuatu pekerjaan dapat menghilangkan beban yang oleh penerima tersebut secara fizikal dan mental. Dalam kata lain, para sukarelawan akan berpuas hati sekiranya hasil usaha mereka dihargai melalui senyuman dan ucapan terima kasih daripada penerima bantuan. Di samping itu, kepuasan yang diterima daripada penerima bantuan adalah menjadi pengalaman manis.

### **Faktor Kemahiran Kesukarelawanan**

Di samping itu, berdasarkan Jadual 1, faktor-faktor penglibatan kesukarelawanan yang seterusnya adalah faktor kemahiran kesukarelawanan. Dalam mengasah kemahiran dalam diri individu, teknik dan kreativiti adalah unsur penting dalam menjadikan kemahiran lebih mantap. Selain itu, Whiston dan Coker (2000) berpendapat bahawa dalam memberikan perkhidmatan yang bermutu, teknik yang berkesan diperlukan agar klien berasa selesa dan mempunyai keinginan untuk menjayakan aktiviti dengan bersungguh-sungguh. Menurut Che Fazilah et al. (2020), individu yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung dalam aktiviti pembangunan komuniti memerlukan kemahiran dan kreativiti yang tinggi. Oleh yang demikian, latihan ataupun pendedahan kepada situasi adalah diperlukan kepada individu yang ingin terlibat di dalam kerja kesukarelawanan. Tambahan itu, menurut Samir dan Sara Sakilla (2012) sebelum sukarelawan berada bersama-sama dengan komuniti, sukarelawan tersebut haruslah menjalani latihan dan mengenali komuniti yang akan disantuni. Pendedahan asas ini boleh dilakukan menerusi penyampaian taklimat, kursus jangka pendek, seminar, latihan atau induksi kepada sukarelawan terutamanya melibatkan sukarelawan baharu (Normah Awang & Siti Nurziana, 2021; Woods, 2006; Schugurensky & Mundel, 2005; Eadie, 2007). Justeru, pengkaji berpendapat bahawa kemahiran ini sangat penting bagi membolehkan sukarelawan memahami perkara-perkara asas berhubung dengan gerak kerja organisasi, mengenal pasti kelompok sasaran dan pihak-pihak yang terlibat dalam kerja kesukarelawanan serta kekangan-



kekangan yang dihadapi dalam kesukarelawan, prinsip dan sikap yang perlu dimiliki oleh sukarelawan dan sebagainya. Maka, secara tidak langsung akan melahirkan sukarelawan profesional yang bakal berdepan dengan cabaran dengan teknik yang lebih kreatif dan inovatif (Che Fazilah et., al 2020).

### **Faktor Menyelesaikan Kerja Kursus**

Berdasarkan analisis tinjauan literatur sistematik sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 1 juga memberi maklumat antara faktor-faktor penglibatan kesukarelawan adalah faktor menyelesaikan kerja kursus di peringkat universiti. Menurut Syafiq Sham et al. (2021) majoriti sukarelawan yang baru kali pertama menyertai aktiviti kesukarelawan bersama Dapur Jalan Kuala Lumpur (DJKL) merupakan kesan daripada sub-budaya universiti berkenaan yang hadir kerana ingin menyelesaikan kerja kursus atau mengikuti program persatuan universiti yang diuar-uarkan oleh senior mereka. Tambahan itu, budaya sukarelawan sebegini lebih kepada budaya *one-off* iaitu kehadiran sukarelawan hanya bersilih berganti tanpa sebarang pengambilan ahli baharu bagi meningkatkan kekerapan sukarelawan yang sentiasa melibatkan diri di dalam setiap program sukarelawan. Berdasarkan pemerhatian pengkaji terdapat sukarelawan yang hadir atas nama program universiti semata-mata atau ingin menyelesaikan tugas yang diberikan oleh pensyarah mereka bagi memenuhi syarat bergraduasi. Namun menurut Syafiq Sham et al. (2021), selain daripada ingin memenuhi keperluan kerjaya, sukarelawan yang mengikuti aktiviti kesukarelawan atas nama program universiti juga adalah kerana ingin meningkatkan kerjaya mereka sebagai mahasiswa bagi menyandang jawatan penting dalam persatuan-persatuan universiti iaitu setiap calon haruslah mempunyai profil yang baik melalui pengalaman yang mereka perolehi sepanjang menjadi mahasiswa di universiti tersebut. Maka, usaha berkaitan kesukarelawan terbukti memberi manfaat kepada seseorang individu yang melibatkan diri dalam dunia sukarelawan.

## **4. KESIMPULAN**

Dalam membentuk sukarelawan profesional yang meliputi aspek kemahiran dan keunggulan sahsiah, penumpuan terhadap pembangunan insan harus diberikan perhatian. Faktor dalaman seperti faktor pemahaman dan nilai; keikhlasan atau kerelaan dan kemahiran kesukarelawan merupakan antara faktor kepada penglibatan para sukarelawan di dalam aktiviti-aktiviti kesukarelawan. Manakala faktor luaran seperti menyelesaikan kerja kursus dan khidmat komuniti turut menggalakkan para sukarelawan untuk bergiat aktif dalam aktiviti kesukarelawan. Peranan sukarelawan dalam gerak kerja dakwah khususnya kepada komuniti OKU amat diperlukan. Dunia dakwah untuk OKU menyaksikan pelbagai jenis cabaran dengan keterbatasan keupayaan dalam kalangan komuniti tersebut. Justeru, jati diri serta keperibadian sukarelawan yang didasari oleh faktor-faktor dalaman dan luaran amat penting agar kelestarian usaha dakwah untuk komuniti OKU terjamin.

## **5. PENGHARGAAN**

Sekalung penghargaan kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) atas pendanaan bagi kajian yang bertajuk Model Sukarelawan Dakwah OKU Berasaskan Hadis Al-Arbain Nawawi ke Arah Masyarakat Rabbani di bawah Geran Penyelidikan FRGS 2021-1 (FRGS/1/2021/SSIO/USIM/02/12) dan Pusat Penyelidikan Ibnu Umami Maktum, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

## RUJUKAN

- Aishah Nadirah Mohamed Alauddin & Tajul Arifin Muhamad (2013). Motif penglibatan sukarelawan sukan institusi pengajian tinggi terhadap tahap kepuasan diri. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 38(2), 51-59.
- Azizan Bahari (2003) Menghayati kerja sukarela. Qarya Sdn Bhd., Petaling Jaya.
- Bem, D. J. (1995). Writing a review article for psychological bulletin. *Psychological Bulletin*. 118, 172-177.
- Che Fazilah, Siti Nathrah & Fuziah, Shaffie. (2020). Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Motivasi Sukarelawan dalam menjalankan Aktiviti Kesukarelawanan: Satu Kajian Literatur (Factors Affecting Volunteer Motivation in Carrying Out Volunteer Activities: A Literature Review). *Jurnal Pembangunan Sosial*. 23. 25-38. 10.32890/jps2020.23.2.
- Clary, E.G. & Snyder, M. 1999. The motivations to volunteer: Theoretical and practical considerations. *Current Directions in Psychological Science* 8: 156-159.
- Dorsch KD, Riemer HA, Sluth V, Paskevich DM, Chelladurai P (2002) What affects a volunteer's commitment? Canadian Centre for Philanthropy, Toronto.
- Ellis, Claire. (2003). Participatory Environmental Research In Tourism: A Global View. *Tourism Recreation Research* 28, no. 3: 45-55.
- Higgins, J. P. T., et al. (2011). The Cochrane Collaboration's tool for assessing risk of bias in randomised trials. *BMJ (Online)*, 343(7829), 1–9. <https://doi.org/10.1136/bmj.d5928>.
- Ibrahim, F., Amin, A.S. & Sivabalan, T. (2015). The Involvement and Motivation of Volunteerism: Toward Nurturing the Spirit of Volunteerism among Students. *Journal of Social Sciences and Humanities*; 10(1): 84-96.
- Jamal, Mohamad & Kaspin, Khairul & Mohd Nor, Norshahrul & Marzuki, Mazdi & Rahman, Muhammad & Ramlie, Habibah Artini. (2021). The Effectiveness Of Volunteer Education Among Students Of Universiti Pendidikan Sultan Idris (Upsi) Enhance Soft Skills Values. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*. 6. 208-222. 10.35631/IJEPC.6390014.
- Kamal, Muhammad Hakim & Hussin, Mohamad. (2020). A Systematic Literature Review (SLR) Analysis on the Translation of Iltifāt Elements.
- Mardhiyyah, S., Khairudin, M., Asmidar, A. & Mohd Dasuqkhi, M.S. (2013). Empowering youth volunteerism: The importance and global motivating factors. *Journal of Educational and Social Research*, 3 (7), 502–507
- Michie, S., & Williams, S. (2003). Reducing work related psychological ill health and sickness absence: a systematic literature review. *Occupational and Environmental Medicine*. 60(1), 3-9
- Mohamad Idrus, Wan Nur Izzati (2015) Motivasi untuk terlibat dalam badan sukarela dalam kalangan pelajar universiti awam. Tesis Sarjana, Universiti Putra Malaysia.

- Normah A.N., Kamal M.Y. & Fazil, A. (2018). Contributions of Volunteering University's Student to National Economy. *International Journal of Asian Social Science*, Vol 7 (12), 971-976.
- Normah Awang Noh, Siti Nurziana Mohd Zin, (2021). Amalan Pengurusan Pertubuhan Sukarela: Isu Pengekalan Mahasiswa Dalam Aktiviti Kesukarelawanan, *Asian Journal of Civilizational Studies (AJOCS)* Volume 3, Issue 3, 2021
- Nurul Ashidah Binti Johari, (2015). Penglibatan Generasi Y Dalam Aktiviti Sukarelawan : Faktor-Faktor Pendorong Dan Jenis Aktiviti Pilihan, tesis Ijazah Sarjana Sains pembangunan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya 2016-2022, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat Terbitan 2016.
- Rabiatuladawiyah Saleh1 & Mohd Nizam Sahad, (2020). Sorotan Literatur Sistemik Isu dan Cabaran Pengajaran al-Quran Murid Berkeperluan Khas, *International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, Volume 3, Issue 2, 2020: 199-211
- Samir Muhazzab Amin & Sara Shakilla Mohd Salim. (2012). Pembasmian kemiskinan di Malaysia : Keperluan kemahiran pekerja komuniti. *Journal of Southeast Asia Social Sciences and Humanities*, 82(1). 81-89
- Sham, Syafiq and Selvaratnam, Doris Padmini and Jasni, Haziq Fikri and Harun, El Hanis, (2021). Budaya kesukarelawanan dan keunikan etnografi dapur jalanan Kuala Lumpur. *Journal of Administrative Science*, 18 (1). pp. 286-305. ISSN (eISSN) : 2600-9374
- Sharififar F, Jamalian Z, Nikbakhsh R, Ramezani ZN (2011) Influence of social factors and motives on commitment of sport events volunteers. *World Academy of Science, Engineering and Technology* 77, 1078-1082.
- Stukas AA, Worth KA, Clary EG, Snyder M (2009) The matching of motivations to affordances in environment: An index for assessing the impact of multiple matches on volunteer outcomes. *Nonprofit and Voluntary Sector Quarterly* 38(1), 5-28.
- Syafiq Sham, Doris Padmini Selvaratnam, Haziq Fikri Jasni3 & El Hanis Harun Budaya Kesukarelawanan dan Keunikan Etnografi Dapur Jalanan Kuala Lumpur , Vol.18, Issue 1, 2021, pp. 286 - 305
- Tajul Arifin Muhamad & Aishah Nadirah Mohd Alauddin, (2013). Motif Penglibatan Sukarelawan Sukan Institusi Pengajian Tinggi terhadap Tahap Kepuasan Diri, *Jurnal Pendidikan Malaysia* 38(2) (2013): 51-59
- Tharshini, N.K. & Ibrahim, Fauziah. (2019). Pembudayaan Kesukarelawanan dalam Kalangan Masyarakat: Satu Kajian Ulasan Sistemik. 12. 43-52.
- Tuan Pah Rokiah Syed Hussain & Lilah Yasin. (2016). Belia dan program kesukarelawan di Malaysia: Satu kajian emperikal. *Malaysian Journal of Society and Space*, 12(10), 183-194.

Usman, Abur & Shaharuddin, Syarul & Marlon, Yusuf & Majid, Mariam. (2020). Analisis literatur sistematik impak elemen spiritual terhadap kejayaan usahawan Muslim. 5. 434-443.

Wilson J (2000) Volunteering. *Annual Review of Sociology* 26, 215-240.

Yoshioka, C., Brown, W.A. & Ashcraft, R. 2007. A Functional Approach to Senior Volunteer and Non-volunteer Motivations. *International Journal of Volunteer Administration*, 24: 31-43.

Zainal Anuar Bin Bakri, Wan Salmizi Bin Wan Mahmood dan Mohd Adib Bin Zakaria, (2019). Kajian Kes: Impak Sukarelawan Yes! Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin Dalam Melakukan Kerja-Kerja Kesukarelawananan Tvet Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin, Dungun, Terengganu *Journal on Technical and Vocational Education (JTVE)*, Vol 4 No 3:Special Edition NASCO (2019) eISSN: 0128-0821

Nik Ahmad Farid Nik Shabery  
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah,  
Universiti Sains Islam Malaysia,  
Bandar Baru Nilai  
71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia  
Email: nickfarid13@gmail.com

Noornajihan Jaafar (Corresponding author)  
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah,  
Universiti Sains Islam Malaysia,  
Bandar Baru Nilai  
71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia  
Email: noornajihan@usim.edu.my

Nusairah Ramli  
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah,  
Universiti Sains Islam Malaysia,  
Bandar Baru Nilai  
71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia  
Email: nusairah@usim.edu.my

Aizan Sofia Amin  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 UKM Bangi, Selangor Malaysia  
Email: aizansofia@ukm.edu.my